

'Seri Paduka tonggak kekuatan negara, rakyat'



Anwar menyembahkan ucapan tahniah dan taat setia atas pertabalan Sultan Ibrahim sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-17 di Istana Negara, semalam. (Foto BERNAMA)

Kuala Lumpur: Institusi Yang di-Pertuan Agong adalah tonggak kekuatan negara dan rakyat pelbagai kaum, di samping menjamin kesaksamaan dan keadilan bagi semua warga Malaysia dalam memaknai prinsip Raja Berperlembagaan dan demokrasi berparlimen.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Yang di-Pertuan Agong juga berperanan sebagai penaung agama Islam yang juga agama Persekutuan, pengukuh kedudukan bahasa Melayu dan pembela hak serta keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera.

Ketika menyembahkan ucapan tahniah dan taat setia atas pertabalan Sultan Ibrahim sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-17 semalam, beliau berkata, institusi Yang di-Pertuan Agong adalah mahkota negara dan rakyat yang mampu mengikat semangat kesatuan serta perpaduan dan dimuliakan sebagai mercu keihsaan.

"Sesungguhnya pertabalan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia

Tuanku mencatat lembaran sejarah yang insya-Allah akan mampu mengangkat martabat negara.

"Kerajaan dan seluruh rakyat jelata berdoa ke hadrat Allah SWT, semoga baginda berdua serta kerabat sentiasa dilimpahi rahmat dan hidayah-Nya, kekal karar di atas singgahsana pemerintahan, juga beroleh 'afiyah dan penuh kedaulatan," katanya.

Anwar yang turut menzahirkan ucapan tahniah kepada Raja Zarith Sofiah sebagai Raja Permaisuri Agong, berkata Seri Paduka juga berperanan dalam menjamin jalinan erat di antara negara di peringkat ASEAN, negara Islam dan di peringkat antarabangsa.

Mewakili seluruh rakyat, Perdana Menteri juga menzahirkan ikrar bahawa kerajaan serta rakyat akan sentiasa menumpahkan taat setia kepada baginda.

Di bawah naungan Yang di-Pertuan Agong Ke-17, katanya, negara akan mengharungi liku gelora ekonomi dunia melalui pra-

karsa baharu yang mampan bagi menjamin kesejahteraan rakyat.

Jelasnya, langkah tegas seperti yang digariskan dalam kerangka Ekonomi MADANI sudah menetuskan unjuran kadar pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan pada 5.8 peratus bagi suku kedua tahun ini.

"Momentum segar ini diperkukuh dengan angka nilai perdagangan bernilai RM1.396 trilion, sementara nilai pelaburan baharu yang diluluskan adalah sebanyak RM83.7 bilion untuk suku pertama tahun ini, yakni 13 peratus lebih tinggi berbanding RM74.1 bilion tahun lalu," katanya.

Anwar turut menzahirkan junjungan kasih kepada Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Katanya, Sultan Pahang menaungi pemerintahan dengan amanah dan secara bijaksana sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-16. BERNAMA